NO SOALAN :42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**26.03.2015**

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah hasil pelaksanaan 12 langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memulihkan keadaan Syarikat Penerbangan Malaysia Sdn. Bhd. (MAS) sebagaimana yang diwar-warkan oleh pihak media.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan 12 langkah pemulihan Syarikat Penerbangan Malaysia Sdn Bhd (MAS) adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	12 PELAN PEMULIHAN	PENCAPAIAN
A	Tadbir urus dan rangka kerja kewangan	1. Penubuhan NewCo bagi menempatkan "MAS Baru", menyahsenarai dan penyenaraian semula	• Bayaran berjumlah RM1.38 bilion telah dibuat kepada pemegang saham lanjutan daripada kelulusan SCR sebagai sebahagian daripada fasa pertama pendanaan pelaburan bersyarat berjumlah sehingga RM2.0 bilion; • penubuhan syarikat baru (NewCo) iaitu Malaysia Airlines Bhd
		2. Pendanaan sehingga RM6.0 bilion dengan syarat yang ketat dan pengurangan nisbah bersih hutang berbanding modal (gearing) kepada kira kira 120%	• Saham MAS telah dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 31 Disember 2014;
B.	Model Operasi Perniagaan	3. Menetapkan semula (reset) model perniagaan melalui rangkaian yang memberi tumpuan serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil pendapatan	
		4. Menyatukan ibu pejabat dan operasi dari Subang ke KLIA	• Perpindahan kakitangan daripada Subang ke Bangunan Kemudahan Sokongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadualkan akan bermula pada Mei 2015
		5. Pengukuhan jaminan, integriti dan keselamatan fungsi	
		6. Mengkaji dan, jika berkenaan, merundingkan	• Sebanyak 4,000 kontrak telah dikenal pasti dalam kajian semula menyeluruh kontrak-kontrak MAS

C.	Kepimpinan dan Modal Insan	7. Kepimpinan	• Christoph Mueller secara rasminya telah memulakan tugas sebagai CEO Malaysia Airlines Bhd (NewCo) pada 1 Mac 2015. Beliau kini memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif MAS lanjutan daripada pelantikan beliau pada 1 Januari 2015.
		8. Menyesuaikan saiz tenaga kerja kepada anggaran 14,000 kakitangan di NewCo	
		9. Mengukuhkan perhubungan industri dan penjajaran dalaman	
		10. Latihan Semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula	• Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC), yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Semula Korporat akan mula beroperasi pada 1 April 2015. Pusat pembangunan tersebut akan menyediakan peluang latihan dan penempatan semula bagi kakitangan MAS yang tidak diserap ke NewCo.

D.	Pengawalseliaan dan persekitaran pemudah	11. Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama termasuk:	• Akta Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2015 (Akta MAS) dikuatkuasakan pada 20 Februari 2015 setelah diluluskan di Parlimen.
		12. Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan	• Panel Perundingan Pekerja atau *Employee Consultative Panel* (ECP) telah mengadakan dua mesyuarat pada 8 Disember 2014 dan 17 Februari 2015 yang dihadiri oleh wakil bagi semua kesatuan sekerja, persatuan kakitangan dan wakil kakitangan yang tidak termasuk dalam kesatuan sekerja. Mereka yang hadir diberi penerangan tentang status terkini berkaitan PPM, pengumuman barisan kepimpinan, kaedah penilaian bakat, CDC, program ulasan bakat, skim pemisahan pekerja, penggajian NewCo dan pengurusan peringkat peralihan.